

19 MAR 2000

Razaleigh-Gagal

PERCUBAAN BAGI PENCALONAN KU LI GAGAL DI SEGAMBUT

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Percubaan untuk mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Timbalan Presiden dan Naib Presiden Umno pada persidangan perwakilan Umno bahagian Segambut, dekat sini, hari ini gagal.

Nama Tengku Razaleigh dicalonkan oleh dua orang perwakilan sebaik sahaja Ketua Bahagian Datuk Abu Kassim Tadin mengemukakan cadangan calon-calon bagi jawatan pengerusi dan timbalan pengerusi tetap, presiden, timbalan presiden, naib presiden dan 25 ahli Majlis Tertinggi Umno.

Walaupun Abu Kassim sebelum itu dengan panjang lebar menerangkan bahawa senarai nama calon-calon itu telah dipersetujui diperingkat mesyuarat khas bahagian, namun ada perwakilan yang tetap mahu mengemukakan calon mereka.

Sebaik sahaja cadangan senarai nama yang dikemukakan beliau mendapat sokongan, seorang ahli perwakilan, Mohd Daris dari cawangan Taman SPPK bangun mencadangkan tiga nama bagi jawatan naib presiden iaitu penyandang Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Selepas cadangan beliau mendapat sokongan, seorang lagi perwakilan, Sabri Manaf dari cawangan Kebun Bunga bangun dan mengemukakan cadangan pencalonan bagi semua jawatan berkenaan termasuk Tengku Razaleigh bagi jawatan timbalan presiden.

Bagaimanapun, beliau tetap mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan presiden Umno.

Setelah mendapat persetujuan sebulat suara daripada semua 169 perwakilan, pengundian dilakukan kepada cadangan-cadangan itu mengikut pakej A, B dan C.

Pengundian dilakukan dengan perwakilan berdiri bagi tanda persetujuan. Setelah undian diadakan pakej A yang dikemukakan Abu Kassim mendapat 100 undi.

Memandangkan cadangan Abu Kassim dianggap terbanyak jika diambil kira jumlah perwakilan yang hadir, maka perwakilan bersetuju mengisytiharkan pencalonan beliau menang tanpa mengadakan undi bagi dua pakej lain.

Pakej Abu Kassim mencalonkan Dr Mahathir dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, masing-masing bagi jawatan presiden Umno dan timbalan presiden Umno.

Calon-calon bagi jawatan naib presiden ialah penyandang Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Datuk Dr Rais Yatim.

-- BERNAMA

ARA FAZ